



Jabatan Pengajian Tinggi
Department of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Ministry of Higher Education Malaysia
Tingkat/ level 1-3, Blok/Block E9, Parcel E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Federal Government Administrative Centre
62505 Putrajaya Malaysia

Tel: (603) 8883 5802
(603) 8883 5848
(603) 8883 5858
Faks: (603) 8889 4260
e- mel : upu@mohe.gov.my
Laman web Kemasukan
Ke IPTA: upu.mohe.gov.my



Ruj kami : JPT(BPKP)1000/600/014/01 Jld. ()

Tarikh : September 2009

Semua Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri
Semua Pegawai Pelajaran Bahagian/Daerah
Semua Pengetua
Sekolah Menengah Berasrama Penuh
Sekolah Menengah Berasrama Penuh Integrasi
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
Sekolah Menengah Teknik
Sekolah Menengah Kebangsaan
Maktab Rendah Sains MARA
Maktab Tentera Diraja

Y.Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PROSEDUR PEMBELIAN PUKAL NOMBOR UNIK ID APLIKASI DALAM TALIAN
(ON LINE APPLICATION) PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA BAGI
PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF SESI AKADEMIK 2010/2011**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **permohonan kemasukan ke IPTA Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf Sesi Akademik 2010/2011 adalah melalui Aplikasi Dalam Talian sahaja**. Justeru, semua pemohon Lepas SPM 2009 **DIWAJIBKAN menggunakan kaedah Aplikasi Dalam Talian**.

3. Sehubungan itu, Y.Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon memaklumkan kepada pelajar, ibu bapa dan masyarakat mengenai kaedah yang akan diguna pakai pada Sesi Akademik 2010/2011. Ini adalah usaha Jabatan untuk merealisasikan aspirasi serta dasar kerajaan dalam pengurusan e-Kerajaan dan meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang berkualiti, berintegriti serta mesra pelanggan.

4. Justeru itu, Jabatan ini akan melaksanakan sistem pesanan pukal Nombor Unik ID bagi pelajar **Tingkatan 5 Tahun 2009**. Pihak sekolah diminta membuat pesanan pukal Nombor Unik ID bagi pelajar Tingkatan 5 Tahun 2009 yang ingin melanjutkan pelajaran ke IPTA bagi Sesi Akademik 2010/2011 dengan **melengkapkan Borang BPKP- 32C dan Lampiran A** dan berurusan terus di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) yang terdekat.

5. Dimaklumkan juga bahawa semua bayaran untuk pembelian Nombor Unik ID dikreditkan ke **Akaun UPU 141002983030691-5** di mana-mana kaunter cawangan BSN dengan **menggunakan Borang Simpanan/Deposit (Simp-1) dan Borang BPKP-32C serta Lampiran A**. BSN akan **membekalkan Nombor Unik ID** kepada sekolah berdasarkan tempoh masa yang dipersetujui mulai **12.10.2009 hingga 13.11.2009 (Borang BPKP-32C dan Lampiran A hanya untuk kegunaan BSN sahaja dan tidak perlu dihantar ke BPKP JPT)**.

6. Nombor Unik ID adalah **SULIT** dan digunakan untuk mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA sahaja. Sayugia diingatkan agar **pengagihan Nombor Unik ID kepada pelajar dilaksanakan secara berhemah berdasarkan tatacara yang mempunyai ciri-ciri keselamatan**. Ini adalah untuk mengelakkan kebocoran maklumat akibat salah guna Nombor Unik ID untuk tujuan menjejaskan permohonan dan pemilihan kemasukan ke IPTA oleh individu yang tidak beretika dan bertanggungjawab.

7. Bersama-sama ini, disertakan kertas makluman mengenai prosedur berkenaan untuk tindakan Y.Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Kerjasama dan komitmen dari Y.Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk menjayakan usaha murni ini, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, untuk makluman dan tindakan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang Ikhlas,

(PROF. DATO' IR. DR. RADIN UMAR B. RADIN SOHADI)

Ketua Pengarah

Jabatan Pengajian Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

s.k. :

- i. Y.Bhg Datuk KSU
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- ii. Y.Bhg Tan Sri KPPM
Kementerian Pelajaran Malaysia
- iii. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pelajaran Malaysia
- iv. Fail Am
- v. Fail Timbul

BORANG PESANAN PUKAL - NOMBOR UNIK ID

Kepada :

Semua Cawangan BSN

**PESANAN PUKAL NOMBOR UNIK ID PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA
BAGI PROGRAM PENGAJIAN SPM/SETARAF SESI AKADEMIK 2010/2011
(GUNA HURUF BESAR)**

Nama sekolah : _____

Kod sekolah : _____

Alamat Sekolah: _____

Bahagian : _____

Daerah : _____

Negeri : _____ Poskod : _____

Telefon : _____ No. Faks : _____
(Pejabat)

E-mel : _____

Bil	Program	Kuantiti	Nombor Unik ID (RM 10.60 seorang)	Jumlah
1.	Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf			


Senarai pesanan Nombor Unik ID adalah seperti di **Lampiran A.**

Tandatangan :

Tarikh :

Nama:

Cop Rasmi Jabatan



**PROSEDUR PEMBELIAN NOMBOR UNIK ID
UNTUK APLIKASI DALAM TALIAN
(ON-LINE APPLICATION)
BAGI PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA
PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN
SPM/SETARAF SESI AKADEMIK 2010/2011**

**BAHAGIAN PENGURUSAN KEMASUKAN
PELAJAR
JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

SEPTEMBER 2009

**PROSEDUR PEMBELIAN NOMBOR UNIK ID UNTUK APLIKASI DALAM TALIAN
(ON-LINE APPLICATION) BAGI PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA
PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF
SESI AKADEMIK 2010/2011**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf Sesi Akademik 2010/2011 adalah melalui Aplikasi Dalam Talian sepenuhnya. Pelajar boleh melayari Laman Web Rasmi Kemasukan Ke IPTA secara percuma di URL <http://upu.mohe.gov.my> untuk mendapatkan maklumat permohonan kemasukan ke IPTA.
- 1.2 Pemohon dikehendaki membayar **RM 10.60 seorang** yuran wang proses secara pukal melalui sekolah untuk mendapatkan **Nombor Unik ID** permohonan kemasukan ke IPTA dari Bank Simpanan Nasional (BSN) terdekat.
- 1.3 Pemohon dikehendaki memasukkan Nombor Unik ID yang dibekalkan oleh BSN bersama-sama Nombor Kad Pengenalan/ MyKad dan Kata Laluan untuk mengemukakan permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian.
- 1.4 Prosedur ini juga akan memastikan :
 - a) Semua pelajar yang berkecualan tidak tercicir dari proses permohonan.
 - b) Pelajar boleh mendapatkan nasihat dan bimbingan awal dari para guru Bimbingan Dan Kaunseling dalam memilih program pengajian yang diminati, sesuai dengan kelayakan yang ada, syarat khas program dan 'career path'. Panduan rujukan senarai program pengajian yang ditawarkan di IPTA adalah seperti di **Lampiran 1**.
 - c) Pemohon juga perlu merujuk ke laman Web Rasmi Kemasukan Ke IPTA <http://upu.mohe.gov.my> untuk mendapatkan senarai terkini program pengajian dan syarat-syarat khas berkaitan program pengajian yang dipohon. **Tiada sebarang bayaran dikenakan untuk melayari laman web ini.**
- 1.5 Pelajar boleh mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA pada **2 Februari 2010 (Selasa)**.
- 1.6 Tarikh tutup permohonan ialah **30 Mac 2010 (Selasa)**.

2. PROSEDUR PEMBELIAN NOMBOR UNIK ID

- 2.1 Sekolah boleh membuat pembelian Nombor Unik ID secara pesanan pukal terus dari mana-mana cawangan BSN dengan melengkapkan butiran yang diperlukan di **BPKP-32C**.
- 2.2 Harga satu unit **Nombor Unik ID adalah RM 10.00**. BSN akan mengenakan bayaran perkhidmatan **RM 0.60 bagi setiap individu**. Jumlah yang perlu dibayar oleh seorang pelajar ialah **RM 10.60**.
- 2.3 Bayaran bagi pembelian Nombor Unik ID adalah berdasarkan **Nama dan Nombor Kad Pengenalan/MyKad pemohon**.
- 2.4 **Pesanan pukal** Nombor Unik ID **perlu disertakan bersama salinan Kad Pengenalan/ MyKad** dengan menggunakan **borang BPKP-32C** seperti di lampiran serta bayaran wang proses bagi memudahkan BSN mengeluarkan **Nombor Unik ID**.
- 2.5 BSN akan menyerahkan Nombor Unik ID yang dipesan terus kepada wakil sekolah berdasarkan tempoh masa yang dipersetujui.
- 2.6 Pemohon boleh mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA sehari selepas iklan disiarkan sehingga tarikh tutup permohonan.

3. PROSEDUR MENGEMUKAKAN PERMOHONAN IPTA MELALUI APLIKASI DALAM TALIAN (ON-LINE APPLICATION) BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM SESI AKADEMIK 2010/2011

- 3.1 Pemohon Lulusan SPM/Setaraf dikehendaki mengemukakan permohonan Aplikasi Dalam Talian melalui **dua (2) Fasa** iaitu :
 - i. **Fasa 1 : Pendaftaran Maklumat Permohonan
(02 November – 31 Disember 2009)**
 - ii. **Fasa 2 : Pengesahan Permohonan Dan Pilihan Program
Pengajian
(02 Februari – 30 Mac 2010)**
- 3.2 Langkah ini adalah untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam serta kelancaran proses permohonan kemasukan ke IPTA.
- 3.3 Bagi permohonan **Fasa 1** (pendaftaran maklumat permohonan). Calon perlu menggunakan Nombor Kad Pengenalan/MyKad dan Kata laluan ciptaan sendiri [6 – 8 aksara alphanumeric] untuk mengemukakan permohonan. Calon dikehendaki mengisi maklumat peribadi dan maklumat lain tanpa mengisi pilihan program pengajian. **Permohonan Fasa 1 adalah terbuka kepada semua pelajar Lulusan SPM 2009**.

- 3.4 Permohonan **Fasa 2 (pengesahan permohonan dan pilihan program pengajian)**
Permohonan adalah terbuka kepada semua calon. Calon yang mempunyai kelayakan minimum dan kriteria yang ditetapkan perlu menggunakan Nombor Unik ID yang dibeli melalui pesanan pukal di sekolah atau di Kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk mengemukakan permohonan.
Bagi Fasa 2 calon wajib menggunakan Nombor Kad Pengenalan/MyKad, Nombor Unik ID dan Kata laluan 6 – 8 aksara alphanumeric untuk mengemukakan permohonan.
- 3.5 Calon yang tidak berpeluang memohon pada **Fasa 1** juga dibenarkan mengemukakan permohonan di **Fasa 2** mengikut prosedur yang ditetapkan seperti **di para 3.4**. Pelajar **WAJIB** memohon melalui Aplikasi Dalam Talian di **Fasa 2**.
- 3.6 Maklumat lanjut panduan permohonan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian (*Online Application*) adalah seperti di **Lampiran 2**.

4. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai permohonan kemasukan ke IPTA atau mengenai Aplikasi Dalam Talian, sila hubungi ke alamat dan talian berikut :

Pengarah
Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Aras 1, Blok E9, Parcel E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505, PUTRAJAYA

No Tel: 03-88835802
Faks : 03-88894260
e-mel : upu@mohe.gov.my

SEPTEMBER 2009

1. PROGRAM-PROGRAM YANG DITAWARKAN

1.1 IPTA yang terlibat dalam penyelarasan permohonan Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf Sesi Akademik 2010/2011 adalah seperti berikut:

- (i) Universiti Malaya (UM);
- (ii) Universiti Putra Malaysia (UPM);
- (iii) Universiti Teknologi Malaysia (UTM);
- (iv) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);
- (v) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI);
- (vi) Universiti Teknologi MARA (UiTM);
- (vii) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
- (viii) Universiti Malaysia Terengganu (UMT);
- (ix) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM);
- (x) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM);
- (xi) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP);
- (xii) Universiti Malaysia Pahang (UMP);
- (xiii) Universiti Darul Iman Malaysia (UDM); dan
- (xiv) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

1.2 Program-Program Lepas SPM/Setaraf yang diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP JPT) bagi Sesi Akademik 2010/2011 adalah seperti berikut :

BIL	IPTA	PROGRAM YANG DITAWARKAN
1.	Universiti Malaya (UM)	Asasi Sains (2 Program) Asasi Alam Bina (1 Program Pengajian) Asasi Pengajian Islam (4 Program)
2.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	Asasi Sains Pertanian (1 Program Pengajian) Diploma (5 Program Pengajian)
3.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Diploma (16 Program Pengajian)
4.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Asasi (15 Program Pengajian)
5.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Diploma (1 Program) (Program ini adalah untuk pasaran terbuka (Open Market) BUKAN bertujuan untuk lantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (guru) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

BIL	IPTA	PROGRAM YANG DITAWARKAN
6.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Asasi (5 Program Pengajian) Diploma (60 Program Pengajian)
7.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Diploma (7 program Pengajian)
8.	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Diploma (1 Program Pengajian)
9.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	Diploma (5 Program Pengajian)
10.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Diploma (5 Program Pengajian)
11.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Tamhidi (5 Program Pengajian)
12.	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	Diploma (6 Program Pengajian)
13.	Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)	Diploma (22 Program Pengajian)
14.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	Asasi (3 Program Pengajian)

1.3 Program berikut adalah dikhususkan untuk pemohon **BUMIPUTERA SAHAJA**:

- (a) Semua Asasi Sains dan Asasi Alam Bina di UM;
- (b) Semua Program Asasi di UIAM ; dan
- (c) Semua Program Pengajian di UiTM;

1.4 Program-program berikut terbuka kepada pemohon **BUMIPUTERA dan BUKAN BUMIPUTERA** :

- (a) Semua program pengajian Diploma di UPM, UTM, UPSI, UTHM, UMT, UTeM, UMP, UniMAP dan UDM ;
- (b) Semua Program Asasi Pengajian Islam di UM ;
- (c) Program Asasi Sains Pertanian di UPM ;
- (d) Semua Program Tamhidi di USIM ; dan
- (e) Semua Program Asasi di UPNM.

1.5 Untuk membantu calon-calon membuat pilihan program pengajian yang sesuai dan tepat semasa mengemukakan permohonan bersama-sama ini disertakan **Lampiran 1A** yang mengandungi senarai IPTA, Kod Program dan Program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf yang ditawarkan untuk rujukan dan panduan para Guru Bimbingan dan Kaunseling serta pelajar.

- 1.6 Adalah diharapkan para Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah dapat memberi bimbingan awal kepada pelajar dari segi kombinasi mata pelajaran dan kriteria pemilihan permohonan kemasukan ke IPTA dalam menentukan "*Career path*" mereka.

DISEDIAKAN OLEH :

**BAHAGIAN PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR
JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

SEPTEMBER 2009

**SENARAI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF
YANG DITAWARKAN BAGI SESI AKADEMIK 2010/2011**

IPTA	KOD PROGRAM PENGAJIAN	PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN
Universiti Malaya (UM)	M0010 M0020 M0300 M0700 M0701 M0702 M0709	Asasi Sains Hayat Asasi Sains Fizikal Asasi Alam Bina Asasi Pendidikan Islam Asasi Syariah Asasi Usuluddin Asasi Pengajian Islam Dengan Sains
Universiti Putra Malaysia (UPM)	P0050 P2050 P2052 P2051 P2053 P2055	Asasi Sains Pertanian Diploma Pertanian Diploma Perhutanan Diploma Perikanan Diploma Kesihatan Haiwan dan Penternakan Diploma Pengurusan Perladangan Makanan
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	T2410 T2811 T2812 T2425 T2421 T2422 T2423 T2270 T2271 T2430 T2431 T2310 T2320 T2300 T2330 T2340	Diploma Kejuruteraan Awam Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat) Diploma Sains Komputer (Multimedia) Diploma Kejuruteraan Elektronik Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa) Diploma Kejuruteraan Elektrik (Perhubungan) Diploma Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik) Diploma Pengurusan Teknologi Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan) Diploma Kejuruteraan Mekanikal Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Aeronautik) Diploma Ukur Tanah Diploma Pengurusan Harta Tanah Diploma Senibina # Diploma Ukur Bahan Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

IPTA	KOD PROGRAM PENGAJIAN	PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN
Universiti Islam Antara bangsa Malaysia (UIAM)	Y0600 Y0200 Y0140 Y0150 Y0707 Y0151 Y0400 Y0080 Y0300 Y0010 Y0020 Y0060 Y0070 Y0030 Y0031	Asasi Undang-Undang Asasi Ekonomi & Sains Pengurusan Asasi Sains Kemanusiaan Asasi Bahasa Inggeris Asasi Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam. Asasi Bahasa Arab Asasi Kejuruteraan dan Sains Komputer Asasi Perubatan Asasi Seni Bina dan Reka bentuk Alam Sekitar Asasi Sains Hayat Asasi Sains Fizikal Asasi Farmasi Asasi Pergigian Asasi Sains Kesihatan Bersekutu Asasi Kejururawatan
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	A2520	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak #
Universiti Teknologi MARA (UiTM)	E2210 E2211 E2111 E2121 E2122 E2123 E2124 E2112 E2130 E2201 E2000 E2041 E2042 E2043 E2001 E2044 E2045 E2054 E2060 E2034 E2035 E2036 E2037 E2033	Diploma Perakaunan Diploma Sistem Maklumat Perakaunan Diploma Seni lukis dan Seni Reka # Diploma Teknologi Kreatif (Seni Layar) # Diploma Teknologi Kreatif (Penulisan Seni Layar) # Diploma Teknologi Kreatif (Seni Lakon) # Diploma Teknologi Kreatif (Pengurusan Seni) # Diploma Seni Muzik # Diploma Komunikasi dan Media # Diploma Pengurusan Maklumat Diploma Sains Diploma Teknologi Tekstil Diploma Industri Perakayuan Diploma Kimia Perindustrian Diploma Teknologi Makanan Diploma Mikrobiologi Diploma Teknologi Polimer Diploma Pengurusan Ladang Diploma Farmasi Diploma Pemulihan Cara kerja Diploma Fisioterapi Diploma Kesihatan Persekitaran Diploma Pengimejan Perubatan Diploma Teknologi Makmal Perubatan

IPTA	KOD PROGRAM PENGAJIAN	PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN
	E2031	Diploma Kejururawatan
	E2222	Diploma Pengajian Perniagaan (Insuran)
	E2226	Diploma Analisis Pelaburan
	E2221	Diploma Pengurusan Bank
	E2220	Diploma Pengajian Perniagaan
	E2227	Diploma Pengajian Perniagaan (Pengangkutan)
	E2821	Diploma Sains Aktuari
	E2822	Diploma Statistik
	E2810	Diploma Sains Komputer
	E2820	Diploma Sains Kuantitatif
	E2230	Diploma Pentadbiran Awam
	E2412	Diploma Kejuruteraan Awam (Khidmat Bangunan dan Penyelenggaraan)
	E2413	Diploma Kejuruteraan Awam (Pembinaan)
	E2410	Diploma Kejuruteraan Awam
	E2424	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Peralatan)
	E2421	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)
	E2425	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)
	E2430	Diploma Kejuruteraan Mekanikal
	E2440	Diploma Kejuruteraan Kimia
	E2310	Diploma Bangunan
	E2320	Diploma Pengurusan Hartanah
	E2330	Diploma Ukur Bahan
	E2300	Sarjana Muda Sains (Seni Bina) #
	E2302	Diploma Seni Bina Landskap #
	E2303	Diploma Ukur Bangunan #
	E2304	Diploma Reka Bentuk Dalaman #
	E2340	Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah #
	E2351	Diploma Sains Geomatik (Sumber Alam)
	E2352	Diploma Sains Geomatik (Sistem Maklumat Geografi)
	E2350	Diploma Sains Geomatik
	E2242	Diploma Seni Kulinari
	E2243	Diploma Pengurusan Perkhidmatan Makanan
	E2241	Diploma Pengurusan Pelancongan
	E2240	Diploma Pengurusan Hotel
	E2250	Diploma Pengurusan Dan Teknologi Pejabat
	E2260	Diploma Pengajian Sukan #
	E0601	Asasi Undang-Undang
	E0150	Asasi TESL #
	E0001	Asasi Sains
	E0400	Asasi Kejuruteraan
	E0600	Asasi Undang-Undang

IPTA	KOD PROGRAM PENGAJIAN	PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	B2410 B2401 B2420 B2402 B2430 B2403 B2801	Diploma Kejuruteraan Awam Diploma Teknologi Kejuruteraan Awam Serta Teknologi Diploma Kejuruteraan Elektrik Diploma Teknologi Kejuruteraan Elektrik Serta Teknologi Diploma Kejuruteraan Mekanikal Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Serta Teknologi Diploma Teknologi Maklumat
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	G2051	Diploma Perikanan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	C2425 C2420 C2430 C2432 C2801	Diploma Kejuruteraan Elektronik Diploma Kejuruteraan Elektrik Diploma Kejuruteraan Mekanikal Diploma Kejuruteraan Pembuatan Diploma Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Universiti Malaysia Pahang (UMP)	J2425 J2441 J2810 J2430 J2410	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri) Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses) Diploma Sains Komputer Diploma Kejuruteraan Mekanikal Diploma Kejuruteraan Awam
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Q0601 Q0800 Q0210 Q0080 Q0070	Tamhidi Syariah dan Undang-Undang Tamhidi Sains dan Teknologi Tamhidi Perakaunan dan Muamalat Tamhidi Perubatan Tamhidi Pergigian
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	R2427 R2404 R2432 R2433 R2420 R2423	Diploma Kejuruteraan Mikroelektronik Diploma Kejuruteraan Komputer Diploma Kejuruteraan Pembuatan Diploma Kejuruteraan Metalurgi Diploma Kejuruteraan Elektrik Diploma Kejuruteraan Mekatronik

IPTA	KOD PROGRAM PENGAJIAN	PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN
Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)	D2701 D2702 D2703 D2704 D2705 D2706 D2225 D2224 D2223 D2210 D2231 D2221 D2222 D2600 D2801 D2802 D2432 D2405 D2150 D2031 D2032 D2033	Diploma Pengajian Islam (Syariah) Diploma Pengajian Islam (Usuluddin) Diploma Pengajian Islam (Bahasa Dan Kesusasteraan Arab) Diploma Pengajian Islam (Dakwah) Diploma Pengajian Islam (Al-Quran dan As-sunah) Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam) Diploma Perdagangan Antarabangsa Diploma Pemasaran Diploma kewangan Diploma Perakaunan Diploma Pengurusan Sumber Manusia Diploma Pengajian Bank Diploma Pengajian Insurans Diploma Undang-Undang Diploma Teknologi Maklumat Diploma Teknologi Multimedia Diploma Teknologi Pembuatan Diploma Reka Bentuk Perindustrian Diploma Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) Diploma Sains Kejururawatan Diploma Radiografi Diploma Teknologi Makmal Perubatan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	Z0440 Z0880 Z0220	Asasi Kejuruteraan Pertahanan # Asasi Sains dan Teknologi Pertahanan # Asasi Pengurusan dan Sumber Pertahanan #

Nota : # - Program Temu duga

**PANDUAN MENGISI PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA MELALUI
APLIKASI DALAM TALIAN (ONLINE APPLICATION)
BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF
SESI AKADEMIK 2010/2011**

A. FASA 1 (Pendaftaran Maklumat Permohonan)

- i. Pemohon perlu melayari Laman Web Rasmi Kemasukan Ke IPTA <http://upu.mohe.gov.my> untuk mendapatkan maklumat mengenai permohonan kemasukan ke IPTA.
- ii. Aplikasi Dalam Talian akan dibuka mulai jam 12 tengah hari **2 November 2009 hingga 31 Disember 2009.**
- iii. Tatacara mengemukakan permohonan :
 - Layari laman web <http://upu.mohe.gov.my>
 - Klik butang permohonan pada menu utama
 - Masukkan butiran berikut :
 - a) Nombor Kad Pengenalan/ My Kad; dan
 - b) Kata laluan ciptaan sendiri (6-8 aksara/alphanumeric) – *kata laluan ini wajib disimpan untuk memasuki Fasa 2.*
 - Mengisi maklumat permohonan **tanpa Pilihan Program Pengajian**
 - Semak maklumat permohonan
 - Klik pada butang sah dan hantar untuk mengesahkan permohonan telah diterima oleh sistem
 - Cetak maklumat permohonan untuk simpanan dan rujukan.
 - Pemohon dibenarkan mengemukakan **satu (1) kali permohonan** dan **tiga (3) kali proses pengemaskinian** sehingga tarikh tutup permohonan.

B. FASA 2 (Pengesahan Permohonan dan Pilihan Program Pengajian)

- i. Pemohon perlu melayari Laman Web Rasmi Kemasukan Ke IPTA <http://upu.mohe.gov.my> bagi mengesahkan permohonan dan membuat pilihan program pengajian.
- ii. Aplikasi Dalam Talian Fasa 2 akan dibuka mulai jam 12 tengah hari **2 Februari 2010 hingga 30 Mac 2010.**
- iii. Semua pemohon Lulusan SPM 2009 yang telah mendaftar maklumat permohonan pada Fasa 1 **wajib mengesahkan permohonan dan pilihan program pengajian pada Fasa 2. Jika TIDAK**, permohonan tidak akan diproses.
- iv. Pemohon perlu menggunakan Nombor Unik ID yang dibeli secara pukal melalui Sekolah atau membeli sendiri Nombor Unik ID dengan bayaran **RM 10.00 sahaja** dengan mengkreditkan terus ke Akaun **UPU 14100-29-83030691-5** di mana-mana kaunter Bank Simpanan

- Nasional (BSN) dengan tambahan **RM0.60** sebagai bayaran perkhidmatan bank.
- v. Pembelian Nombor Unik ID mestilah berdasarkan **Nama dan Nombor Kad Pengenalan / MyKad pemohon**. BSN akan mengeluarkan salinan resit pembayaran bersama-sama dengan **Nombor Unik ID**.
- vi. **Jangan dedahkan Nombor Unik ID anda kepada orang lain, kerana ianya adalah SULIT.**
- vii. **Tatacara mengemukakan permohonan :**
- Layari laman web <http://upu.mohe.gov.my>
 - Klik butang permohonan pada menu utama
 - Masukkan butiran berikut :
 - a) Nombor Kad Pengenalan/ My Kad
 - b) Nombor Unik ID
 - c) Kata laluan (6-8 aksara/alphanumeric)
 - Mengisi dan mengesahkan maklumat permohonan atau pindaan maklumat dan **Pilihan Program Pengajian sekurang-kurang 1 – 4 pilihan.**
 - **Bagi Program Pengajian yang ada temu duga / ujian kelayakan pemohon hanya boleh memilih dari pilihan 1 hingga 4 sahaja. Jika memilih Program Pendidikan di UPSI hanya pilihan 1 sahaja. Manakala bagi Program Pengajian di UPNM hanya pilihan 1 dan 2 sahaja.**
 - Semak maklumat permohonan
 - Klik pada butang sah dan hantar untuk mengesahkan permohonan telah diterima oleh sistem
 - Cetak maklumat permohonan untuk simpanan dan rujukan.
 - Pemohon dibenarkan mengemukakan **satu (1) kali permohonan** dan **tiga (3) kali proses pengemaskinian** sehingga tarikh tutup permohonan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai permohonan kemasukan ke IPTA atau mengenai Aplikasi Dalam Talian, sila hubungi ke alamat dan talian berikut :

Pengarah
Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Aras 1, Blok E9, Parcel E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505, PUTRAJAYA

No Tel: 03-88835802
Faks : 03-88894260
e-mel : upu@mohe.gov.my

CARTA ALIR PERMOHONAN , KEMAS KINI DAN SEMAKAN APLIKASI DALAM TALIAN (ONLINE APPLICATION)

Sebelum membuat sebarang permohonan, sila lihat carta alir di bawah dan baca semua panduan yang disediakan pada sebelah kiri laman web bagi mengelakkan sebarang kekeliruan semasa mengisi maklumat permohonan melalui Aplikasi dalam Talian.

